



PEJABAT KESIHATAN KAWASAN TAWAU,
JALAN CHONG THIEN VUN, SIN ONN,
PETI SURAT 990,
91008 TAWAU,
SABAH



Telefon : (089)757144, 775916, 775733
Faks : (089)757535
Email : pkk.tawau@moh.gov.my

Ruj. Kami : PKKTWU/Q/2024/03
Tarikh : 02 Februari 2024

Seperti Senarai Edaran.

Tuan,

**IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN KERJA-KERJA NAIKTARAF BANGUNAN DAN LAIN-LAIN
KERJA YANG BERKAITAN DI KLINIK DESA SUNGAI IMAM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sebut harga di atas dipelawa mulai **05 Februari 2024 (Isnin)**. **Lawatan Tapak / Taklimat adalah di WAJIBKAN** borang akan diserahkan pada hari Lawatan Tapak pada **08 Februari 2024 (Khamis)** di Klinik Desa Sungai Imam pukul 9.30 pagi. Sila datang 30 minit lebih awal untuk tujuan pendaftaran. Sebut Harga akan di **Tutup** pada **16 Februari 2024 (Jumaat)** jam 12.00 tengah hari (sila rujuk iklan).

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk mempamerkan iklan tersebut di papan kenyataan Jabatan tuan agar pembekal yang berminat serta berkelayakan boleh melihat dan menyertainya.

4. Bersama-sama ini disertakan Kenyataan Tawaran Sebut Harga tersebut untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SHAMEER KHAN BIN SULAIMAN)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Pra-Warta)
Pegawai Kesihatan Kawasan
Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau.



PEJABAT KESIHATAN KAWASAN TAWAU
KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH IKLAN : 05 FEBRUARI 2024 (ISNIN)

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LIPIM/CIDB) ATAU Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kod Bidang berikut :-

NO/ TAJUK TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH TAKLIMAT TAPAK LAWATAN TAPAK	TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP
PKKTWU/Q/2024/03 KERJA-KERJA NAIKTARAF BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KLINIK DESA SUNGAI IMAM	Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) daripada CIDB, Gred G3, Kategori B, Pengkhususan B04 <u>ATAU</u> Sijil PUKONSA Kelas D, Tajuk II, Tajuk Kecil 2 (a) Nota: Kontraktor perlu melantik sub-kontraktor yang mempunyai kod bidang Kategori ME, Pengkhususan E04 bagi kerja-kerja elektrik. Surat lantikan dari Kontraktor utama kepada sub-kontraktor elektrik perlu disertakan dalam borang sebutharga	Taklimat dan Lawatan Tapak pada : 08 Februari 2024 (KHAMIS) Bertempat di: Klinik Desa Sungai Imam Pendaftaran bermula pada jam: 9.30 pagi hingga 10.30 pagi sahaja Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak jam: 10.30 pagi Syarikat yang LEWAT membuat pendaftaran TIDAK AKAN dibenarkan mengikuti sesi taklimat dan lawatan tapak. KEHADIRAN ADALAH WAJIB	Peti Sebut Harga Unit Perolehan Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau 16 Februari 2024 (JUMAAT) Sebelum jam 12.00 tengahari

TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN, **HANYA PENAMA** YANG TERCATAT DI DALAM SIJIL CIDB ATAU PUKONSA DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK. SYARIKAT **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** PEGAWAI SELAIN DARIPADA PENAMA SIJIL CIDB, SPKK ATAU PUKONSA.

SYARIKAT yang mempunyai kebenaran khas ke atas Kategori & Pengkhususan dari CIDB adalah dibenarkan untuk menyertai sebut harga ini.

Wakil syarikat yang sah **DIWAJIBKAN** membawa perakuan / sijil **beserta satu salinan sijil-sijil tersebut**.

Bagi memastikan maklumat berkaitan spesifikasi / terma rujukan / brif projek adalah jelas, **Borang Lawatan Tapak WAJIB** untuk disertakan dalam dokumen sebut harga ini. Pengesahan daripada Pegawai Penyelaras perlu pada Borang Lawatan Tapak berkenaan.

Syarikat dinasihatkan supaya merujuk iklan dari semasa ke semasa jika terdapat perubahan atau ralat terkini.


Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pejabat ini di alamat berikut :-

Unit Perolehan
Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau,
Jalan Chong Thien Vun, Sin Onn,
91008 Tawau Sabah.
(No. Telefon : 089-775733 Samb.239)

Tarikh : **05 Februari 2024**

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau mana-mana tawaran.

PENGAWAI KESIHATAN KAWASAN TAWAU



**KERAJAAN MALAYSIA
PEJABAT KESIHATAN KAWASAN TAWAU**

NOTIS SEBUT HARGA

TAWARAN PERKHIDMATAN BAGI KERJA-KERJA NAIKTARAF BANGUNAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KLINIK DESA SUNGAI IMAM

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB dan mempunyai :
 - 1.1. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK),
 - 1.2. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
2. Dalam kod bidang berkaitan untuk menyertai sebut harga ini :-

**BERDAFTAR DENGAN LPIPM/CIDB;
GRED G3, KATEGORI B ;
PENGKHUSUSAN B04 (KERJA-KERJA AM BANGUNAN) .**

ATAU

**MEMPUNYAI PUKONSA, KELAS D ,
TAJUK II, TAJUK KECIL 2 (a).**

Nota: Kontraktor perlu melantik sub-kontraktor yang mempunyai kod bidang Kategori ME, Pengkhususan E04 bagi kerja-kerja elektrik. Surat lantikan dari Kontraktor utama kepada sub-kontraktor elektrik perlu disertakan dalam borang sebutharga.

3. **Syarat penyerahan/penyempurnaan Kerja ;**
 - i. Menepati skop kerja yang telah ditetapkan.
 - ii. Sijil Siap yang dikeluarkan oleh Jabatan
4. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki berdasarkan tempoh serahan yang ditetapkan dalam Pesanan Kerajaan (LPO).
5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda **No. Sebut Harga: PKKTWU/Q/2024/03**
6. Pembekal Utama boleh melantik Vendor dalam bidang kerja-kerja elektrik.
7. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di alamat berikut tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari, 16 Februari 2024 (Jumaat) :-**

Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau,
Jalan Chong Thien Vun, Sin Onn,
91008, Tawau
Sabah.

8. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah **sembilan puluh (90) hari** selepas tarikh tutup sebutharga.

Dokumen sebut harga hanya akan diberikan kepada Kontraktor / Wakil Kontraktor yang sah dan mempunyai kod bidang berkaitan sahaja. Untuk maksud ini, Kontraktor / Wakil Kontraktor **DIWAJIBKAN** membawa perakuan / sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **berserta satu salinan sijil-sijil tersebut**.

Petender yang mempunyai kebenaran khas ke atas Kategori & Pengkhususan dari CIDB adalah **dibenarkan** untuk menyertai tender ini

Bagi memastikan maklumat berkaitan spesifikasi / terma rujukan / brif projek adalah jelas, **Borang Pengesahan Lawatan Tapak WAJIB** untuk disertakan dalam dokumen tawaran ini. Pengesahan daripada Pegawai Penyelaras perlu pada Borang Pengesahan Lawatan Tapak berkenaan.

Dokumen Tawaran yang lewat tidak akan diterima. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan penghantaran dokumen tender melalui pos laju / kurier.

Borang-borang tawaran dan butir-butir lanjut **boleh didapati** pada waktu pejabat dari :-

Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau,
Jalan Chong Thien Vun, Sin Onn,
91008 Tawau, Sabah.
(No. Tel: 089-775733 Samb. 239)

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran termurah atau mana-mana tawaran.



(DR SHAMEER KHAN BIN SULAIMAN)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Pra-Warta),
Pegawai Kesihatan Kawasan Tawau,
Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau.

Tarikh : 05 Februari 2024

PEJABAT KESIHATAN KAWASAN TAWAU